

Pemegang biasiswa langgar kontrak, UiTM rugi RM58.5 juta

Oleh **Ilah Hafiz Aziz** - Oktober 10, 2023 @ 1:53pm
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



Gambar hiasan - suasana UiTM

KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi Mara (UiTM) menanggung kerugian berjumlah RM58.57 juta, selepas ramai penerima biasiswa yang menandatangani perjanjian ke peringkat doktor falsafah (Ph.D) dan Sarjana gagal mencapai objektif ditetapkan.

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, berkata audit pada 2021 mendapati, potensi kerugian UiTM terhadap ganti rugi belum tuntut adalah berjumlah RM51.08 juta.

"Audit berkaitan Tuntutan Ganti Rugi Penghutang Pecah Kontrak (pemegang biasiswa mungkir perjanjian) UiTM, turut menemui hapus kira terhadap penghutang pecah kontrak berjumlah RM6.23 juta; dan ganti rugi berjumlah RM1.26 juta tidak dapat

dituntut," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021, yang diterbitkan di sini hari ini.

Wan Suraya berkata, pada tahun 2021, seramai 1,496 pemegang basiswa mungkir dengan nilai tuntutan ganti rugi keseluruhan berjumlah RM117.16 juta.

"Seramai 1,201 daripada 1,496 penghutang pecah kontrak diambil tindakan tuntutan ganti rugi dan dilaporkan dalam Penyata Kewangan UiTM pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 dengan nilai tuntutan ganti rugi keseluruhan berjumlah RM64.82 juta.

"Baki seramai 259 daripada 1,496 penghutang pecah kontrak masih belum diambil tindakan tuntutan ganti rugi dengan nilai tuntutan ganti rugi keseluruhan berjumlah RM52.34 juta," katanya.

Wan Suraya berkata, memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, UiTM disyorkan melaksanakan menambahbaikkan iaitu memastikan pekeliling, prosedur kerja dan kontrak yang berkuat kuasa dipatuhi, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan bagi tuntutan ganti rugi ke atas Pemegang Biasiswa yang pecah kontrak.

"Menambah baik koordinasi, komunikasi dan pemantauan kerja antara BKK UiTM, Unit Kewangan Zon 2, Pejabat Bendahari dan Pejabat i Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) UiTM sama ada di peringkat pelaksanaan atau pengurusan tertinggi berhubung tindakan perundangan dan kutipan semula Wang Awam.

"Serta memastikan pekeliling dan kontrak tuntutan ganti rugi ditambah baik antaranya menerangkan secara terperinci prosedur kerja bagi pemberhentian tindakan undang-undang terhadap penghutang pecah kontrak yang tamat pengajian di luar tempoh pengajian yang sepatutnya," katanya.

Sementara itu, penemuan audit terhadap Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah berkaitan Kutipan Tuntutan Penghutang Ganti Rugi Cuti Belajar yang berjumlah RM1.5 juta.

"Ia disebabkan kelewatan mengambil tindakan terhadap penghutang ganti rugi cuti belajar menyebabkan UKM kehilangan hasil berjumlah RM0.64 juta.

"Selain itu, pengurangan bayaran balik hutang dan pembayaran ganti rugi cuti belajar secara in-kind berjumlah RM0.86 juta tidak dapat dikutip disebabkan kutipan tuntutan dibatasi tempoh Akta Had Masa 1953 serta 'in-kind' (sumbangan) yang tidak dilaksanakan penghutang," katanya.

Wan Suraya berkata, UKM perlu mengkaji proses dan kawalan dalaman dengan menetapkan tempoh tertentu untuk mengambil tindakan mahkamah serta memastikan penerima basiswa berkhidmat mengikut kontrak yang ditetapkan.

"Ia bagi mengelakkan UKM kehilangan hak menuntut ganti rugi ke atas penghutang.

"Perjanjian baharu bagi setiap perubahan syarat atau terma perjanjian yang diluluskan kepada penghutang dan penjamin juga perlu disediakan bagi memastikan UKM berpeluang mendapatkan kembali tuntutan ganti rugi sekiranya penghutang masih ingkar.

"Peranan antara LPU dan pengurusan UKM perlu dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kedua-duanya melaksanakan peranan masing-masing mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan," katanya.